

04/11/1999

Sikap ibu bapa sendiri bahayakan keselamatan anak

Ebta-1

KEBELAKANGAN ini saya perhatikan semakin ramai pelajar yang tidak memiliki lesen menunggang motosikal. Mereka menunggang atau membonceng lebih daripada seorang penumpang sesuka hati. Perkara ini berlaku di mana-mana saja, sama ada di kawasan taman perumahan, bandar atau luar bandar.

Tidak lama dulu, seperti yang dilaporkan oleh Berita Harian, di Johor tiga budak sekolah perempuan yang menaiki sebuah motosikal terbunuh dalam kemalangan jalan raya sewaktu dalam perjalanan ke sekolah. Baru-baru ini seperti yang dilaporkan oleh Berita Harian, di Terengganu, dua beradik (berumur 7 dan 17 tahun) terbunuh apabila motosikal mereka terbabit dalam kemalangan jalan raya sewaktu hendak menghantar adiknya ke sekolah. Si abang tidak mempunyai lesen memandu motosikal. Begitu juga yang berlaku di Kuantan, Pahang, abang yang baru berumur 16 tahun membonceng adiknya 11 tahun apabila dilanggar oleh sebuah lori. Abangnya tanpa lesen dan tidak memakai topi keledar.

Dengan laporan dalam akhbar dan sepanjang perjalanan saya dari utara ke selatan atau timur ke barat Semenanjung, fenomena ini amat menggerunkan dan menyedihkan apabila melihat budak sekolah dengan sewenang-wenangnya menunggang motosikal sama ada semasa hendak ke sekolah atau bersiar-siar pada waktu petang. Saya perhatikan, budak sekolah rendah atau menengah, lelaki dan perempuan, menunggang dan membonceng dengan laju secara beramai-ramai tanpa memikirkan keselamatan dan pengguna jalan raya lain. Jika perkara ini tidak diberi perhatian serius, lebih ramai budak sekolah dan pengguna jalan raya lain akan menjadi mangsa.

Izinkan saya memberikan pandangan. Mengapa perkara ini boleh berlaku dengan meluasnya dan bagaimana ibu bapa dan pihak berkuasa boleh membendung perkara ini daripada berterusan.

Sebelum itu, saya ingin berkongsi pengalaman dengan ibu bapa serta pihak berkuasa dalam beberapa kejadian berkaitan perkara ini di kawasan Taman Seri Gombak. Saya percaya ia berlaku di kawasan lain juga.

Kejadian pertama saya berjumpa seorang budak sekolah perempuan berumur 9 tahun menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar dan membonceng adik lelakinya berumur 4 tahun pergi ke kedai. Saya perhatikan dia yang sedang cuba menghidupkan enjin motosikal itu dengan bantuan seorang budak lelaki selepas membeli sesuatu di kedai. Saya bertanya jika bapanya mengetahui dia menunggang motosikal. Dia dengan ikhlas menjawab, "Ayah saya yang suruh saya bawa adik datang beli gula-gula (20 sen)."

Kejadian kedua, saya selalu melihat seorang budak sekolah lelaki berumur 10 tahun menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar dengan lajunya. Hari itu saya menahan dia dan bertanya siapa yang benarkan dia menunggang motosikal? Dia menjawab, emak yang benarkan. Saya ikut budak ini balik ke rumahnya dan berjumpa emaknya sekali lagi. Emaknya dengan suara yang marah menjawab, "Saya yang benarkan anak saya menunggang motosikal itu di persekitaran kawasan rumah ini, apa pasal?"

Kejadian ketiga, seorang budak sekolah darjah enam menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar dan membonceng dua rakannya sambil cuba menyeimbangkan motosikal berkenaan. Saya ikut dari belakang motosikal itu hingga sampai ke rumahnya dan bertanya, siapa yang benarkan adik menunggang motosikal ini? Pak Cik budak itu keluar dari rumah dan dengan angkuhnya menjawab, "Saya yang membenarkan dia menunggang motosikal ini, tak bolehkah?"

Kejadian keempat, saya perhatikan seorang lelaki dewasa sedang membawa

anaknyanya dalam perjalanan balik dari sekolah. Lelaki itu tiba-tiba berhenti di tepi jalan dan memberi anaknyanya yang berseragam baju sekolah rendah menunggang motosikal itu dan dia duduk di belakang sambil mengajar anaknyanya menyeimbangkan motosikal itu?

Masalah yang menyebabkan kejadian itu berlaku adalah kerana ibu bapa berkenaan langsung tidak prihatin mengenai keselamatan anak-anak mereka.

Saya sebagai seorang Islam dan juga mempunyai anak, ingin mengingatkan ibu bapa berkenaan bahawa anak-anak kita yang dikurniakan Allah kepada kita adalah amanat Allah. Jagalah keselamatan mereka, bimbinglah mereka dan awasilah mereka, bukan sekadar memberikan mereka makan/minum serta tempat tinggal saja.

Tunjukkanlah kasih sayang dalam cara yang betul dan jangan menggalakkan mereka melakukan sesuatu yang boleh membahayakan nyawa mereka.

Budak-budak dilahirkan dengan suci dan mereka masih memerlukan bimbingan yang betul daripada kita yang dewasa, setiap minit setiap saat dalam hidup mereka perlu diawasi dan dibimbing dengan betul supaya mereka mengetahui yang mana baik dan yang mana salah untuk masa depan mereka yang lebih selamat. Tetapi punca utama masalah ini ialah pihak yang menguatkuasakan undang-undang jalan raya, khasnya pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis.

Pada pendapat saya, kedua-dua pihak ini tidak memandang serius akan perkara ini dan gagal menjalankan tanggungjawab untuk membendung masalah ini. Saya pernah dengar penjelasan pihak polis melalui berita televisyen berkaitan penunggang motosikal bawah umur dan tidak mempunyai lesen memandu.

Pegawai polis itu menyatakan, "kita ada undang-undang itu tetapi kita tidak kuatkuasakannya!" Apabila saya mendengar penjelasan itu, saya terus teringat kata-kata nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu masa dahulu iaitu "Sekiranya seseorang yang mempunyai ilmu tetapi tidak menggunakan ilmunya itu adalah sama seperti orang yang tidak mempunyai ilmu."

Jadi, kalau ada undang-undang tetapi tidak dikuatkuasakan adalah seperti tidak mempunyai undang-undanglah.

Punca kedua masalah ini, saya difahamkan oleh pihak polis trafik, kesalahan seperti kejadian itu sekiranya ditahan dan disabitkan dengan kesalahan pemilik motosikal hanya boleh dikompaun RM300 saja. Sekiranya ini benar, denda yang dikenakan kepada pemilik motosikal amatlah tidak setimpal sama sekali kerana dengan sifat tidak bertanggungjawab, pemilik motosikal itu telah atau boleh menyebabkan budak-budak sekolah yang tidak berdosa terbunuh dan merbahaya kepada pengguna jalan raya yang lain.

Di samping itu, ibu bapa dan pemilik motosikal juga jangan terlalu ghairah meminjam atau membenarkan mereka yang tidak mempunyai lesen memandu menunggang motosikal. Ia bukan saja membahayakan nyawa budak-budak tetapi juga akan membahayakan pengguna yang lain.